

63 pelajar UPM sertai Program Mosque-Fest 2013

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Seramai 63 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Program Mosque-Fest 2013 yang dianjurkan bagi membentuk kemahiran insaniah dan jati diri, kelmarin.

Fasilitator Mosque-Fest 2013, Zuhaimi Abdul Rahim, 36, berkata, program itu juga bertujuan membentuk ciri-ciri kepimpinan dinamik, mengasah kemahiran menyelesaikan masalah, memupuk nilai moral dan sahsiah terpuji selain membuka minda peserta ke arah konsep usahawani berteraskan Islam.

"Program yang dijalankan turut memberi pendedahan kepada pelajar dan orang ramai mengenai aspek pentadbiran, pengurusan dan

komunikasi masjid," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, program bermula pada pukul 8 pagi hingga 11 malam itu merupakan kokurikulum pengurusan masjid pertama yang dianjurkan di luar kawasan universiti memabitkan penyertaan anggota masyarakat setempat.

Katanya, pihak penganjur berpendapat program itu merupakan permulaan kepada pembentukan kepimpinan yang jujur, tegas dan beretika.

"Antara aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti 'smart solat', pertandingan mewarna, bengkel belajar tulisan khat, pameran gerai jualan, program kesihatan dan Forum Bicara Agama," katanya.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri bengkel belajar tulisan khat pada Mosque-Fest 2013 di Surau Nurul Ikhlas, Taman Pingiran Putra, Seri Kembangan, baru-baru ini.